

# Ahmad Zahid saman Tun M

Oleh **NORLIZAH ABAS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memfailkan saman fitnah terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung dakwaan beliau meminta bekas Perdana Menteri itu mencampuri urusan kes yang sedang dihadapinya di mahkamah.

Ahmad Zahid, 69, selaku plaintif memfailkan saman itu menerusi Tetuan Shahrul Hamidi & Haziq di Mahkamah Tinggi di sini minggu lalu dengan menamakan Dr. Mahathir, 97, sebagai defendan tunggal manakala notis tuntutan dihantar pada 25 April lalu.

Berdasarkan pernyataan tuntutan yang diperoleh menerusi carian sistem mahkamah, Ahmad Zahid berkata, pada 19 Oktober 2018, beliau dituduh di Mahkamah Sesyen di sini atas 12 pertuduhan pecah amanah, lapan rasuah dan 27 pengubahan wang haram.

Ujarnya, kesemua pertuduhan tersebut telah dibicarakan



**AHMAD ZAHID HAMIDI**

di Mahkamah Tinggi di sini.

Namun Presiden UMNO itu berkata, pada 23 Februari lalu, Dr. Mahathir mengeluarkan kenyataan palsu dan disifatkan berbaur fitnah dengan niat jahat merujuk secara terus kepada plaintif.

Menurutnya, kenyataan itu dibuat dalam suatu Majlis Pelancaran Aspirasi Parti Pejuang sempena Pilihan Raya



**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

Negeri Johor Ke-15 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Ujar Ahmad Zahid, Dr. Mahathir memfitnahnya pernah hadir di rumahnya bersama beberapa individu bagi mendapatkan bantuan untuk menyelesaikan kes mahkamah dihadapinya.

Ahmad Zahid berkata, pada hari yang sama, rakaman video majlis 56 minit dan 46 saat itu telah diterbitkan secara

langsung di Youtube Astro Awani.

Rakaman kenyataan palsu defendan itu, katanya, diterbitkan oleh pelbagai portal berita antaranya *Tiktok MalaysiaGazette TV*, *Malaysia Now* dan *The Malaysian Reserve*.

Dakwa plaintif, setakat tarikh writ saman dan pernyataan tuntutan itu difailkan, rakaman video majlis tersebut mendapat jumlah tontonan sebanyak 23,443 kali dengan akaun Youtube Astro Awani mempunyai 1.44 juta pelanggan.

“Kenyataan itu jelas memfitnah dan menunjukkan bahawa saya menggunakan jalan pintas untuk menyelesaikan dan menangguh percabaran jenayah yang masih berjalan,” kata Ahmad Zahid.

Selain itu, beliau turut menuntut ganti rugi teruk, teladan dan am serta kos tindakan itu daripada defendan.

Pendengaran permohonan *inter-parte* dijangka pada 17 Jun ini di hadapan Hakim Datuk Rozana Ali Yusoff melalui sidang video.